

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	11 JULY 2016

Kawal nafsu makan juadah Aidilfitri: PM

BH - 11/7/2016

Kuala Lumpur: Orang ramai dinasihatkan menjaga kesihatan dan tidak terlampau mengikutkan nafsu makan ketika menikmati juadah Aidilfitri.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata memang sukar untuk menahan diri daripada menikmati pelbagai menu menyelerakan selepas sebulan berpuasa, namun orang ramai perlu

mengehadkannya.

“Ketupat, lemang, rendang, kuah kacang dan macam-macam lagi memang menyelerakan.

“Tetapi dalam kita menikmati juadah ini, beringatlah juga untuk jaga kesihatan, takut baju raya yang dibeli tak muat pula untuk dipakai nanti,” katanya menerusi entri di laman sosial rasmi Facebook, semalam.